

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG**  
**NO. SOALAN : 286**

TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejak pelancaran skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu:-

- a) berapa syarikat mendapat Status Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan serta berapa pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun syarikat perintis, dan berapa banyak peratusan Elaun Cukai Pelaburan syarikat dapat; dan
- b) berapa syarikat mendapat pembaharuan dan tempoh status Perkhidmatan Logistik Bersepadu.

### Cadangan Jawapan:

- Okjektif skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) yang telah diumumkan dalam Bajet Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2002 adalah untuk mewujudkan industri logistik yang berkesan dan berdaya saing melalui penggabungan pelbagai perantaraan pengangkutan bagi mewujudkan rantai bekalan logistik yang cekap.
  - Aktiviti-aktiviti utama perkhidmatan logistik bersepadu adalah penghantaran, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai-tambah seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantai bekalan secara bersepadu.
  - Syarikat-syarikat dengan sekurang-kurangnya 60% ekuiti dipegang oleh rakyat Malaysia serta menjalankan aktiviti perkhidmatan logistik bersepadu (ILS) boleh dipertimbangkan galakan Taraf Perintis sebanyak 70% atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% bagi tempoh 5 tahun.
- a. Kelulusan Galakan ILS Sehingga 30 Jun 2016
- Setakat 30 Jun 2016, Lembaga Pembangunan Pelburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sebanyak 55 buah syarikat bagi menjalankan aktiviti perkhidmatan logistik bersepadu (ILS).

Jadual 1: Kelulusan Galakan Cukai ILS Sehingga Jun 2016

Jenis Galakan Diluluskan	Bilangan Syarikat	Peluang Pekerjaan	Kos Projek (RM Juta)
Taraf Perintis	19	2,321	1,680.4
Elaun Cukai Pelaburan	36	2,415	1,279.4
Jumlah	55	4,736	2,959.8

- Daripada jumlah 55 buah syarikat yang diluluskan ini, 19 buah syarikat atau 34.5% telah diluluskan galakan Taraf Perintis manakala 36 buah syarikat atau 65.5% telah diluluskan galakan Elaun Cukai Pelaburan.
- Kelulusan 55 projek ini melibatkan peluang pekerjaan sebanyak 4,736 di pelbagai operasi logistik seperti kakitangan pengurusan, teknikal, penyeliaan dan sokongan.
- Mengenai jumlah pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun Syarikat Perintis dan jumlah tuntutan Elaun Cukai Pelaburan, di bawah sistem taksiran cukai sendiri (*self-assessment*), syarikat mengemukakan tuntutan cukai secara terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan maklumat berkenaan wajar diperolehi daripada LHDN.

b. Kelulusan Pusingan Kedua

- Pertimbangan kelulusan ILS bagi galakan cukai pusingan kedua boleh dipertimbangkan dan diluluskan melalui “*pre-package*” dengan kadar dan tempoh pengecualian cukai yang lebih tinggi berdasarkan “merit” projek berkenaan. Kelulusan “*pre-package*” ini juga boleh dipertimbangkan bagi permohonan baharu yang mempunyai aktiviti logistik yang strategik serta mempunyai impak ekonomi yang besar.
- Dari tahun 2006 sehingga Jun 2016, terdapat lapan (8) buah syarikat yang diluluskan galakan cukai “*pre-package*” bagi industri ILS termasuk tiga (3) projek baharu dan lima (5) projek pelbagaian/pembesaran ILS yang diluluskan galakan cukai pusingan kali kedua.

Jadual II: Kelulusan “*Pre-package*” Bagi ILS, 2016 – Jun 2016

Jenis Galakan Diluluskan	Bilangan Syarikat		Peluang Pekerjaan	Kos Projek (RM Juta)
	Projek Baharu	Pusingan Kedua		
Taraf Perintis	2	-	157	117.7
Elaun Cukai Pelaburan	1	5	763	1,594.0
Jumlah	3	5	920	1,711.7

- Syarikat-syarikat yang diluluskan galakan ILS kali kedua ini diberi lanjutan tempoh pengecualian cukai selama lima (5) tahun lagi. Syarikat-syarikat yang diluluskan ini mempelbagaikan aktiviti logistik dan tidak hanya tertumpu kepada menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu. Antara aktiviti-aktiviti kepelbagaian baharu yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang terlibat adalah:
  - hab automotif,
  - gudang khas dengan sistem "*bagging*" bagi menyimpan polimer resin, dan
  - pusat pengedaran dan pusat logistik *E-fulfilment*.